



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	25/8/2011

LIMBC 2010 bersifat santai

Norris bakal pertahan gelaran, juara Asia tiga kali turut serta

Oleh Sukhairi Abd Thani
sukhairi@bharian.com.my

JUARA sulung kategori elit lelaki di Cabaran Basikal Bukit Antarabangsa Langkawi (LIMBC) 2010, Lachlan Norris bakal mempertahankan gelaran manakala nama besar seperti juara Champerty di Siri Piala Dunia tahun lalu, Nathalie Schneitter dan juara Asia tiga kali, Kohei Yamamoto turut mengesahkan penyertaan masing-masing pada edisi kali kedua ini.

Bakal menjengah peminat dunia sukan berbasikal pada 17 hingga 23 Oktober ini di Kampung Tok Senik Resort, Langkawi, edisi 2011 turut memaparkan kelainan dengan bersifat lebih santai serta pemanjangan tempoh cabaran iaitu selama tujuh hari berbanding dua hari, tahun lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif Human Voyange (M) Sdn Bhd, Datuk Malik Mydin selaku penganjur berkata, semua itu dilakukan bagi membawa acara sukan berkenaan ke peringkat lebih tinggi selain membuka ruang kepada orang ramai untuk bersama-sama dengan dunia berbasikal.

"Kami mahu menjadikan Langkawi sebagai hub berbasikal dan ini adalah projek jangka panjang yang sedang diusahakan. Jadi untuk ke arah itu, kita perlu memanjangkan tempoh masa acara bagi membawa sukan ini ke peringkat



DR Mahathir berjabat tangan dengan Malik (kiri) pada Majlis Serahan Tajaan Kejohanan LIMBC di KLGCC, semalam.

lebih profesional," katanya dalam sidang media selepas mengumumkan nama penaja bersama iaitu Telekom Malaysia, Yayasan Al-Bukhary, Kumpulan Sapura, Genting Malaysia Berhad, Perdana Universiti dan Berjaya Corporation, se-

malam. Turut hadir, bekas Perdana Menteri merangkap Penaung Kehormat LIMBC, Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Buat masa ini kami sudah menerima kira-kira 400 penyertaan daripada dalam dan juga luar negara dan dijangka jumlah

itu akan bertambah sebelum tarikh akhir tutup penyertaan iaitu pada akhir September ini," katanya.

Untuk pendaftaran dan maklumat lanjut, orang ramai boleh melayari laman web www.mtb-malaysia.com.